

PRESS – ONLINE

Publication	Bharian.com.my	Day/Date	Thu, 9 May 2024
Section	Nasional	Pageviews	12,000,000
Headline	KDN, MINDEF tandatangan kontrak hampir RM9 bilion pada DSA NATSEC Asia 2024		
URL	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1245008/kdn-mindef-tandatangan-kontrak-hampir-rm9-bilion-pada-dsa-natsec		



KDN, MINDEF tandatangan kontrak hampir RM9 bilion pada DSA NATSEC Asia 2024



Kerajaan menandatangani kontrak bernilai hampir RM9 billion sepanjang Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata 12 daripada 14 kontrak berkenaan ditandatangani tiga agensi bawah KDN, iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM) membabitkan nilai RM1.57 bilion; Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) RM529.66 juta dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) RM52.35 juta.

"Kontrak termasuk untuk pembelian aset pengangkutan pelbagai guna untuk PDRM, Kapal Induk PDRM, kamera badan untuk anggota PDRM dan enam unit helikopter untuk kegunaan Maritim Malaysia," katanya pada sidang media selepas majlis penutup DSA dan NATSEC 2024 di sini, hari ini.

"Kesemua perolehan ini adalah signifikan sebab enam unit helikopter baharu adalah untuk membantu tugas kawalan maritim seluas 590,000km persegi akan dapat diurus dengan lebih baik oleh Maritim Malaysia.

"Perolehan unit kamera badan akan meningkatkan tahap integriti PDRM dan berupaya untuk meningkatkan keyakinan orang awam terhadap PDRM," katanya.

Beliau berkata keberkesanan proses penguatkuasaan undang-undang juga akan dapat ditingkatkan dengan perolehan aset-aset baharu.

"KDN menandatangani keseluruhan kontrak bernilai RM2.156 bilion DSA 2024, satu nilai yang signifikan tetapi berimpak tinggi yang beri nilai tambah kepada agensi penguatkuasaan," katanya.

Sementara itu Kementerian Pertahanan menandatangani 40 memorandum persefahaman (MoU) berjumlah RM7.3 bilion di DSA dan NATSEC 2024 hari ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata perolehan itu bertujuan memastikan kesiapsagaan angkatan dan keupayaan anggota untuk melaksanakan tugas dan kewajiban menjaga pertahanan dan kedaulatan negara.

"Malaysia bersempadan dengan lima buah negara; Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Filipina.

"Operasi rondaan dilakukan 24 jam, tujuh hari seminggu, jadi kita perlu kelengkapan yang boleh bantu anggota jalankan tugas dengan berkesan," katanya pada sidang media sama.

Beliau berkata kontrak yang ditandatangani termasuk untuk kerja-kerja penyelenggaraan, penambahbaikan, pembelian aset dan menggantikan sistem pengurusan trafik udara.

"Melalui DSA dan NATSEC 2024 terdapat banyak keupayaan dan peluang untuk lihat kemajuan teknologi terkini.

"Tentunya ia akan menjadi panduan kita dalam membuat keputusan untuk melengkap dan mengupayakan angkatan tentera dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata Malaysia menyediakan pavilion untuk dron, robotik dan dalam DSA NATSEC 2024, terdapat banyak usaha dilakukan oleh pelbagai negara untuk membangunkan pengangkutan tanpa menggunakan manusia (unmanned vehicles) sama ada dalam bentuk kapal selam, kapal termasuklah kereta perisai.

"Kebanyakan kajian dan penyelidikan dibuat dalam bentuk kecerdasan buatan (AI) untuk tak ada orang atau manusia yang mengendalikan jentera itu, semuanya dilakukan secara tanpa manusia.

"Semua kemajuan teknologi yang saya lihat sangat berkesan melalui penganjuran di sini bagi tujuan untuk kita merangka dan merancang untuk angkatan tentera dalam negara kita," katanya.



Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (kiri) dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail ketika sidang media pada majlis Resepsi Penghargaan dan Pengumuman Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2026 dan Pameran Keselamatan Kebangsaan Asia (NATSEC ASIA) 2026 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) - Foto NSTP/ASWADI ALIAS